

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)25

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

25. Apakah status terkini Gagasan Khaira Ummah 2030 yang telah menelan belanja hampir RM1.2 juta dalam 4 tahun?
- (a) Apakah keberhasilan program ini?
 - (b) Nyatakan perancangan program ini pada tahun 2024 dan berapa peruntukan yang telah disediakan?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Perbelanjaan sebenar bagi program-program di bawah Gagasan Khaira Ummah adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN PELAKSANAAN	NILAI PERBELANJAAN (RM)
1	2021	321,950.00
2	2022	349,642.50
3	2023	325,020.00

JUMLAH KESELURUHAN	996,612.50
---------------------------	-------------------

Terdapat lima (5) teras gagasan Khaira Ummah iaitu Teras Hikmah, Ekonomi, Baiti Jannati, Anak Muda dan Tarbiyah. Antara program yang telah dilaksanakan di bawah lima (5) teras tersebut adalah:

- (i) Pakej Pembimbing Akademi Tahsin Qiraatul Quran (ATQA) Peringkat Negeri Secara Dalam Talian di JHEAIPP Tahun 2021;
- (ii) Kursus Grandparenting Pada 9 November 2021 di KOMTAR;
- (iii) Bengkel Pembangunan Modul Belia Islam di JHEAIPP pada 22 November 2021;
- (iv) Bengkel Perceraian Generasi Muda Pulau Pinang di Auditorium 1, Kompleks Eureka USM pada 15 Disember 2021;
- (v) Program Kampungku 2030 Khaira Ummah di Masjid Ibadurrahman pada 5 hingga 7 Ogos 2022;
- (vi) Program Baiti Jannati Khaira Ummah 2030 di Mydin Mall, BM pada 13 hingga 14 Ogos 2022.;
- (vii) Program Dialog Kepimpinan Mahasiswa Pulau Pinang di Kg. Agong pada 21 Ogos 2022;

- (viii) Kayuhan Ambang Merdeka di Surau Al Husna, Bertam pada 27 Ogos 2022;
 - (ix) Membekal Kitab-Kitab di Semua Daerah di Bawah Program Teras Tarbiyah Khaira Ummah 2030;
 - (x) Program Wira Masjid untuk 12 Buah Masjid di Bawah Teras Tarbiyah Khaira Ummah 2030;
 - (xi) Peruntukan Khaira Ummah 2030 bagi Karnival Pendidikan Hikmah 2022 di Kitab Pulau Pinang pada 18 hingga 19 Oktober 2022;
 - (xii) Peruntukan Khaira Ummah 2030 bagi Seminar Literasi Undang-Undang dan Syarahan Perdana Al-Hady di AC Marriot Hotel pada 29 November 2022;
 - (xiii) Majlis Anugerah Penarafan Masjid di Dewan Kubang Menerong pada 13 Disember 2022; dan
 - (xiv) Program Khaira Ummah 2030 (Kampungku 2023) di Masjid Seberang Jaya pada 10 hingga 12 Mac 2023.
- (a) Antara keberhasilan program Khaira Ummah adalah seperti berikut:
- (i) Karnival Kampungku di beberapa buah masjid yang strategik telah memberi impak yang besar kepada

masyarakat setempat dari aspek keilmuan, ekonomi, kerjaya dan kesejahteraan rakyat. Selain itu, karnival ini juga telah berjaya membawa perkhidmatan yang disediakan agensi-agensi kerajaan, swasta, NGO khususnya dan institusi-institusi agama kepada masyarakat setempat; dan

(ii) Melalui program karnival Baiti Jannati juga jalinan kerjasama antara agensi utama pentadbiran Islam dan agensi berkaitan teras telah berjaya dilaksanakan selain memasyarakatkan insitusi agama dengan pendekatan berkonsepkan santai kekeluargaan.

(b) Gagasan Khaira Ummah diteruskan bagi tahun 2024 dengan penjenamaan semula iaitu Agenda Pembangunan Agama Islam 2030 yang diselarikan dengan visi Penang2030. Peruntukan Gagasan Khaira Ummah disalurkan dan diserap melalui tambahan peruntukan Al-Hady Center dari RM500,000 kepada RM800,000 bagi tahun 2024 bagi melaksanakan penyelarasan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan tindakan program ekonomi sosial, keilmuan dan masyarakat yang melibatkan semua agensi-agensi Islam Kerajaan Negeri. Maka teras Gagasan Khaira Ummah dilaksanakan terus

oleh setiap agensi berdasarkan fungsi masing-masing. Antara program yang telah dan akan dilaksanakan adalah:

- (i) Persidangan Antarabangsa Zakat Pulau Pinang Tahun 2024 pada 15 hingga 16 Februari 2024 di Dewan Tuanku Syed Putra, USM;
- (ii) Program Tazkirah Ramadan Setiap Jumaat (20 siri);
dan
- (iii) Jelajah Semarakkan Pembangunan Sosioekonomi Ummah melalui wakaf dan zakat (13 masjid) pada Jun hingga November 2024.

Pelaksanaan program di bawah Agenda Pembangunan Islam 2030 sedang dirancang dan akan dilaksanakan bermula pada tahun ini dan akan diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang.